

Kembara Sutera

2015.04

CRI

中国广播网 中国日报

Tasik Barat Lampai

Nikmati China Yang Berwarna-warni

Laluan Sutera

13 Tip Sempurnakan Percutian Anda

Masjid Barat Zhaoqing

Lorong di Beijing

Jom ke China

Merancang percutian ke China?

Nak cari

**Warisan
Budaya**

**Hotel
Penginapan**

**Restoran
Makanan
Halal**

**Tempat
Peranginan**

Masjid



Semua info yang berguna ada di sini.

Kenali China sebelum datang ke China.

**Menjadi rakan kami melalui ID: Kembara-Sutera
atau terus skan kod QR ini.**



Wacana dari Tembok Besar

Terima kasih kerana masih menantikan kehadiran Kembara Sutera (KS). Untuk keluaran kedua bagi tahun 2015 ini, kami sudah pun menyediakan beberapa "kembara" yang menarik untuk tatapan anda.

Istimewanya keluaran KS pada kali ini ialah anda berpeluang untuk mengetahui dan menghayati pelbagai tempat atau suasana yang indah dan menarik di China, seolah-olah KS pada kali ini seumpama sebuah buku pelancongan yang lengkap. Pilih sahaja destinasi pelancongan mana yang anda suka, pasti KS akan membantu anda menyampaikan segala maklumatnya.

Sekiranya anda mahu menghayati suasana tenang di tasik, destinasi Tasik Barat Lampai sentiasa mengalu-alukan kedatangan anda. Tasik ini menggabungkan unsur keindahan alam semula jadi dengan unsur seni bina taman dan jambatan yang cantik.


Bandar Panjin yang terletak di provinsi Liaoning, kawasan timur laut China juga mempunyai cerita yang menarik untuk dikongsi bersama-sama dengan anda. Di bandar tersebut, anda berpeluang untuk menikmati pantai merah yang mengagumkan. Datang dan lihatlah sendiri, pasti anda akan terpesona.

Jika keluaran sebelum ini anda diperkenalkan dengan jalan kuno, untuk keluaran kali ini, rasailah suasana lorong di Beijing. Banyak yang istimewa tentang lorong-lorong tersebut untuk anda ketahui.

Sekiranya anda tertanya-tanya tentang Wusong dan ingin mengetahui dengan lebih lanjut, ikutilah kisah pengembalaan editor KS ke bandar Jilin yang telah menikmati keindahan Wusong di sana.

Oh, ya! Bagi penggemar sejarah pula catatan Laluan Sutera adalah hadiah buat anda. Hayatilah perjalanan laluan tersebut yang telah bermula sejak zaman Sebelum Masihi, namun masih kekal sehingga hari ini.

Semoga kita akan bertemu lagi dalam keluaran yang akan datang. Salam mesra daripada kami.


Awan

06

Tasik Barat Lampai

10

Nikmati China Yang Berwarna-warni

14

Lorong di Beijing

18

Gunung-gunung Yang Indan di China

22

China ABC: Laluan Sutera

26

Nikmati Keindahan Wusong di Jilin

30

13 Tip Sempurnakan Percutian Anda

32



Entik Yang Beragama Islam di China -Etnik Tajik

33

Masjid Barat Zhaoqing

34

Isi Ikan Goreng Bersos



Penerbit:
Radio Antarabangsa China (CRI)

Ketua Pengarang:
An Xiaoyu

Timbalan Ketua Pengarang:
Zhang Wenwen

Ketua Editor:
Wang Jin

Editor:
Nelawati Ngadul
Zhang Wei Lin Ying

Tempat Edaran:
Malaysia

Tarikh Terbit:
Oktober, Disember, Februari, April,
Jun, Ogos

Laman Sesawang:
<http://malay.cri.cn>

facebook:
www.facebook.com/kembarasutera

E-mel:
mal@cri.com.cn

Surat-menjurat:
Malay Service,
China Radio International,
16A Shijingshan Road,
100040 Beijing, P.R. China.

Telefon:
+86-10-68892073



Tasik Barat Lampai terletak di bandar Yangzhou, provinsi Jiangsu, China. Berbanding dengan Tasik Barat yang terletak di Hangzhou, provinsi Zhejiang, Tasik Barat Lampai ini kelihatan lebih kecil dan mempunyai keindahannya tersendiri. Tasik ini menggabungkan unsur keindahan alam semula jadi dengan unsur seni bina taman dan jambatan yang cantik.

Tasik Barat Lampai



Tasik Barat Lampai sebenarnya merupakan sebatang sungai di kawasan luar bandar Yangzhou. Panjang tasik ini ialah 4.3 kilometer, manakala lebarnya pula kurang daripada 100 meter. Nama asal tasik ini ialah Tasik Baoyang yang bermaksud sungai yang melindungi bandar Yangzhou. Pada zaman Dinasti Ming dan Qing, iaitu pada abad ke-15 hingga abad ke-19 Masihi, banyak pedagang yang kaya-raya telah mempelawa jurubina untuk membina taman yang cantik di kedua-dua tebing tasik tersebut.

Antara tempat-tempat pelancongan yang dibina di Tasik Barat Lampai termasuklah Jeti Diraja Qianlong, Jambatan Hongqiao Besar, Taman Xu, Pelantar Memancing, Menara Putih, Jambatan Lima Pavilion, dan lain-lain. Tempat-tempat ini menjadikan Tasik Barat Lampai penuh dengan pelbagai unsur yang menarik.

Jambatan Hongqiao

Kawasan di sekitar Jambatan Hongqiao ini amat cantik. Banyak penyajak dan penulis

tersohor mencipta sajak dan menulis karangan yang menggambarkan keindahan di sekitar jambatan ini. Sekiranya Tasik Barat Lampai diibaratkan sebagai jelitawan, maka Jambatan Hongqiao ini adalah velnya.

Jambatan Lima Pavilion

Terdapat lima buah pavilion dibina di atas jambatan ini. Oleh sebab itu jambatan ini dinamakan Jambatan Lima Pavilion. Jambatan ini bukan sahaja menjadi lambang bagi

Tasik Barat Lampai, malahan turut menjadi lambang bagi bandar Yangzhou. Jambatan ini dibina lebih 200 tahun yang lalu.

Pelantar Memancing

Pelantar Memancing yang dibina di tengah-tengah Tasik Barat Lampai merupakan tempat persembahan pada zaman dahulu kala. Kononnya,

ketika maharaja Qianlong, zaman Dinasti Qing melawat ke tasik ini, baginda mahu memancing di sini. Setelah beberapa ketika kemudian, baginda gagal mengail walau seekor pun. Pegawai dan pedagang Yangzhou berasa cemas dan risau, kemudian memilih beberapa orang membawa ikan hidup lalu menyuruh mereka menyelam ke dalam tasik dan mengenakan ikan tersebut

pada mata kail baginda. Oleh itu, maharaja berasa amat gembira. Inilah asal usul Pelantar Memancing. **KS**



Panduan:

Tiket: 150 yuan Waktu operasi: 6.30 pagi - 5.15 petang Panduan perjalanan: Bas no. 4, 5, 6, 17, 27, 29, 37, 55, 61, 62, 308 Waktu melancong yang paling baik: Pesta pelancongan diadakan di bandar Yangzhou pada bulan Mac hingga Jun setiap tahun kerana pada bulan tersebut, Tasik Barat Lampai paling indah dan menarik. Anda digalakkan mengelilingi tasik dengan perahu.



China sebuah negara yang luas wilayahnya. Bentuk muka bumi yang pelbagai dan persekitaran iklim yang berbeza di negara ini memperkenalkan pemandangan yang berbeza sama sekali. Pada musim bunga ini, datanglah ke China untuk melihat China yang berwarna-warni.

Nikmati China Yang Berwarna-warni

Pantai Merah di Panjin

Bandar Panjin yang terletak di provinsi Liaoning, kawasan timur laut China mempunyai tanah lembap yang pemandangannya amat unik di tepi Sungai Liao. Di sini, pelancong dapat menikmati beting berwarna merah yang sangat luas seumpama permaidani merah yang menghiasi pantai tanpa batas. "Permaidani" ini sebenarnya sejenis rumput, iaitu suaeda glauca. Rumput ini merupakan satu-satunya rumput yang dapat hidup dalam tanah bergaram dan beralkali. Pada April setiap tahun, rumput ini mula tumbuh dengan warna merah muda dan warnanya menjadi semakin terang dari hari ke hari. Pada September, rumput tersebut paling indah, manakala pada Oktober, rumput yang merah-kemerahan itu akan berubah menjadi warna ungu.

Kini, kawasan beting-beting merah di Panjin telah diteroka menjadi dua kawasan peranginan, iaitu Kawasan Peranginan Pantai Merah yang telah siap dibina beberapa tahun yang lalu, dan Koridor Peranginan Negara Pantai Merah yang dibuka kepada orang awam pada 13 September tahun 2013.

Sebelum koridor tersebut beroperasi, para pelancong biasanya melancong ke Panjin, terutamanya di Kawasan Peranginan Pantai Merah yang



terletak di pekan Zhaoquanhe, kaunti Dawa, bandar Panjin. Jambatan yang berbelok-belok dibina di kawasan peranginan ini. Jambatan ini sebenarnya ialah jalan yang dibina tergantung di atas pantai dari kawasan tebing hingga ke kawasan tengah bagi memudahkan para pelancong menyaksikan rumput yang kemerah-merahan itu.

Koridor Peranginan Negara Pantai Merah sepanjang 18 kilometer itu dibina bermula dari Jambatan Hunjianggou hingga ke Jambatan Jieguanting. Di sepanjang koridor ini, para pelancong digalakkan memandu kereta sendiri sambil menikmati pemandangan semula jadi di kedua-dua tepi jalan dan pelancong juga boleh berkhemah di sini. Selain itu, para pelancong juga boleh mencuba aktiviti yang lain seperti memancing ikan atau menghayati kehidupan di desa.

Di tanah lembap di kaunti Dawa, selain dapat menikmati keindahan pantai yang berwarna merah itu, pemandangan rawang gelagah yang seluas lebih 133 ribu hektar juga sangat mempesona pada setiap musim. Rawang gelagah terbentang luas merupakan syurga bagi unggas dan pelbagai jenis binatang liar lain. Fauna yang hidup di kawasan paya ini juga menambahkan daya tarikan kepada kawasan peranginan ini.

Padang Rumput Hijau di Gunung Qilian

Gunung Qilian yang terletak di provinsi Qinghai, barat laut China merupakan gunung yang mengagumkan. "Garis salji" biasanya merujuk kepada empat ribu meter di atas paras laut bagi suatu gunung. "Bunga teratai salji", sejenis saussurea yang menjadi ubat ajaib berkembang di atas

"garis salji" Gunung Qilian. Ketika musim panas pada Julai hingga Ogos, puncak Gunung Qilian masih diliputi dengan salji yang tebal, tetapi padang rumput di sebelah gunung itu telah dipenuhi dengan rumput yang berwarna hijau dan pelbagai jenis ternakan.

Padang rumput Gunung Qilian yang amat subur pernah dijadikan padang ternakan oleh Attila, raja kaum Hui pada zaman dahulu. Pelbagai etnik nomad di China pada zaman dahulu menyebut padang rumput itu sebagai "padang ternakan emas".

Di sebelah padang rumput Gunung Qilian, terdapat hutan asli yang luasnya 157 ribu hektar. Hutan asli itu kaya dengan pelbagai jenis tumbuh-tumbuhan dan binatang liar. Puncak Gunung Qilian diliputi dengan salji sepanjang tahun. Ketika musim bunga, salji yang cair membekalkan air yang cukup kepada pelbagai

jenis tumbuh-tumbuhan dan sungai-sungai di padang rumput dan hutan asli.

Cendawan merupakan hasil bumi yang terkenal di padang rumput Gunung Qilian. Terdapat banyak restoran yang menghidangkan masakan cendawan. Penduduk etnik Tibet, Mongol dan Hui di kawasan padang rumput tersebut juga pandai membuat teh susu yang sangat sedap dan berzat.

Julai hingga Ogos merupakan musim yang paling sesuai untuk melawat ke padang rumput Gunung Qilian.

Tasik Garam Caka

Tasik Caka terletak di Kaunti Wulan, Daerah Autonomi Haixi, yang berpenduduk Mongol dan Tibet, provinsi Qinghai berhampiran dengan Tasik Qinghai yang amat terkenal. Caka merupakan

tasik yang paling kecil dalam empat tasik air masin yang terbesar di Lembah Qaidam. Luas kawasan tasik ialah 154 kilometer persegi dengan panjangnya 15.8 kilometer dan lebarnya 9.2 kilometer. Tasik Caka yang disebut sebagai pintu timur Lembah Qaidam merupakan tempat yang penting bagi Laluan Sutera pada zaman dahulu. Saudagar dan pelancong yang hendak masuk ke Tibet perlu melalui tasik ini.

Caka bererti "kolam garam" dalam bahasa Tibet. Tasik ini terkenal dengan penghasilan garam sejak zaman dahulu. Kapasiti garam di tasik Caka mencatat lebih 448 juta tan dan dikatakan mampu memenuhi keperluan kesemua rakyat China selama 85 tahun. Sumber garam di Tasik Caka telah diteroka selama lebih tiga ribu tahun.

Sumber pelancongan di Tasik Caka mula diteroka


pada tahun 1980-an. Selain pemandangan yang indah, pelancong juga boleh menghayati industri penghasilan garam yang unik di tasik ini. Tasik Caka telah menarik pelancong dari Eropah, Amerika, Asia Tenggara, dan Jepun. Pada ketika ini, Tasik Caka disenaraikan sebagai destinasi pelancongan peringkat AAA di China. Dengan adanya kolam renang air masin di Tasik Caka pada masa akan datang, para pelancong boleh menikmati pengalaman berenang dalam air yang berbeza dengan air tawar atau air masin di laut.

Musim bunga dianggap musim yang sesuai untuk melihat proses penghasilan garam di Tasik Caka. Musim panas dan musim gugur pula sesuai untuk melihat pemandangan yang menarik, manakala musim sejuk sesuai untuk melihat keindahan salji. **KS**



Pelancong asing yang berkunjung di bandar Beijing sentiasa tertarik dengan bangunannya yang tinggi-tinggi dan kompleks beli-belah yang moden, khususnya mercu tanda bangunan yang menjadi gaya terkini. Walau bagaimanapun, kini, banyak pelancong asing lebih berminat pada kebudayaan tradisional Beijing yang kaya dengan sejarah.

Lorong di Beijing



4,000 lebih.

Lorong yang paling panjang di Beijing ialah Lorong Xijiaominxiang, panjangnya 6.5 kilometer. Manakala, lorong yang paling pendek hanya beberapa belas meter sahaja panjangnya. Lorong Qianshi merupakan lorong yang paling sempit di Beijing, lebarnya hanya 0.7 meter sahaja. Kebanyakan lorong di Beijing lurus, namun ada juga lorong yang berliku, malah ada lorong yang mempunyai 20 liku.

Nama lorong yang beraneka ragam itu juga mencerminkan adat resam, budaya tradisional dan perubahan dalam sejarah Beijing. Kebanyakan lorong diberikan nama berdasarkan nama tempat, contohnya Lorong Yindingqiao diberikan nama yang sedemikian kerana tempat itu bernama Yindingqiao yang bermaksud Jambatan Jongkong Perak dalam bahasa Mandarin.

Selain itu, ada beberapa lorong yang diberikan nama bersempena dengan nama tokoh yang terkenal yang pernah tinggal di lorong tersebut seperti Lorong Sanbulao. Nama asal lorong ini ialah Lorong Sanbao, bersempena dengan nama Laksamana Cheng Ho yang pernah membuat pelayaran ke Asia Tenggara, Asia Barat dan Afrika pada zaman Dinasti Ming. Beliau juga pernah tinggal di lorong tersebut. Lorong Zhangzizhong dan Lorong Linge pula adalah bersempena dengan nama

Bandar Beijing merupakan sebuah bandar yang mempunyai sejarah yang lama dan pelbagai unsur kebudayaan tradisional. Oleh itu, lorong di bandar ini memperlihatkan ciri dan corak tradisional yang penuh dengan unsur kebudayaan dan sejarah.

Lorong merupakan struktur binaan yang utama di kawasan bandar lama Beijing. Lorong sebagai laluan di bandar juga berfungsi untuk memisahkan pekarangan rumah penduduk yang berderet dan sambung-menyambung antara satu

sama lain di kawasan pusat bandar, iaitu kawasan bandar lama Beijing.

Lorong yang disebut "hutong" dalam bahasa Mandarin itu berasal daripada bahasa Mongol. Lorong di Beijing telah bersejarah selama 900 tahun. Pada zaman dahulu, jumlah lorong di Beijing pernah mencatat angka lebih 6,000. Seiring dengan pembangunan kawasan bandar baharu dan pengubahsuaian yang dilaksanakan di kawasan bandar lama Beijing, kini, lorong di kawasan pusat bandar Beijing hanya tinggal



Jeneral Zhang Zizhong dan Jeneral Tong Linge yang pernah menentang pencerobohan tentera Jepun semasa Perang Dunia Kedua. Kedua-dua jeneral tersebut terkorban di medan peperangan. Rakyat China menamai kedua-dua lorong itu dengan nama mereka sebagai memperingati jasa mereka sebagai pahlawan yang terkorban untuk membela negara daripada pencerobohan luar.


Beberapa lorong lain pula diberikan nama pasar kerana tempat itu merupakan sebuah pasar pada zaman dahulu,

seperti Lorong Xianyukou yang bererti lorong pasar ikan kerana tempat tersebut adalah pasar ikan dan Lorong Mishi yang bermakna lorong pasar beras. Lorong tersebut mendapat namanya kerana tempat itu merupakan pasar beras.

Selain itu, sejumlah besar lorong diberikan nama bersempena dengan nama jabatan kerajaan yang dibina di lorong itu, seperti Lorong Zhugan yang bererti batang buluh dan lorong yang lebar di hujung lorong tapi sempit di hujung yang lain dinamakan Lorong Laba, ertinya Lorong Trompet. 

itu dinamai nama jabatan yang terletak di sana. Lorong Bingmasi pula bermaksud Lorong Markas Komando Tentera yang mengambil nama markas komando tentera yang terletak di lorong itu.

Ada beberapa lorong pula diberikan nama berdasarkan sifat-sifat yang istimewa, contohnya, sebatang lorong yang sempit dinamakan Lorong Zhugan yang bererti batang buluh dan lorong yang lebar di hujung lorong tapi sempit di hujung yang lain dinamakan Lorong Laba, ertinya Lorong Trompet. 




1


Gunung-gunung Yang Indah di China

Selain Gunung Qomolangma (atau Everest) yang dikenali sebagai puncak gunung yang paling tinggi di dunia, terdapat banyak lagi gunung atau bukit yang amat mempesonakan di negara China. Gunung-gunung ini mempunyai keistimewaan dan keindahan yang tersendiri.


1. Gunung Heng yang terletak di provinsi Hunan juga disebut sebagai "Nan Yue" atau Gunung Selatan. Iklim di gunung ini lembap dan nyaman, maka gunung ini diselimuti tumbuhan yang menghijau sepanjang tahun. Gunung ini juga dianggap gunung yang paling cantik antara "Wu Yue" (lima gunung yang terkenal di China).
2. Nama asal Gunung Huang ialah Gunung Yi. Gunung ini terkenal dengan lautan awan, pokok pain, batu aneh dan mata air panas. Terdapat pepatah yang menyebut "keindahan Gunung Huang tiada tandingannya".
3. Gunung Tai yang terletak di provinsi Shandong juga dipanggil "Gunung Pertama" di China kerana kemegahannya tiada tandingan. Penyair dan pujangga pada zaman kuno telah meninggalkan banyak sajak dan karya di sini, dan kebanyakan karya itu diukir pada batu bersurat di Gunung Tai.
4. Gunung Tianzhu juga dipanggil Gunung Qian, Gunung Wan dan Gunung Wansui. Penyair tersohor pada zaman Dinasti Tang, Bai Juyi, mencipta sajak yang menggambarkan kemegahan dan keindahan Gunung Tianzhu.




2



3



4



1. Gunung Yandang terletak di provinsi Zhejiang, timur China. Gunung ini terdiri daripada Gunung Yandang Utara dan Gunung Yandang Selatan. Antara destinasi-destinasi utama termasuklah Puncak Ling, Air Terjun Sanzhe, Gua Tanduk, dan lain-lain.

2. Gunung Hua terletak di provinsi Shaanxi. Puncak timur gunung ini adalah antara sembilan tempat yang paling sesuai untuk menyaksikan matahari terbit di China. Gunung Hua juga terkenal dengan laluan yang terjal, sempit dan berbahaya.

3. Bukit Belalai Gajah dianggap sebagai lambang bandar Guilin. Bukit ini seumpama seekor gajah yang meletakkan belalainya dalam Sungai Li untuk mengambil air.

4. Gunung Heng terletak di provinsi Shanxi. Kuil Tergantung yang dibina di tempat setinggi kira-kira 50 meter dari bawah gaung kelihatan seolah-olah direkat pada cenuram gunung.

5. Gunung Song terletak di provinsi Henan, tengah China. Dalam sejarah, lebih 30 maharaja pernah berkunjung ke gunung ini, lebih 150 orang sasterawan atau penyair melawat dan menulis karya untuk menggambarkan keindahan gunung ini.

Laluan Sutera



Laluan Sutera yang sering diperkatakan sebenarnya bukan satu jalan yang nyata, tetapi laluan perdagangan pada zaman purba yang menghubungkan rantau Asia, Afrika dan Eropah. Dalam sistem pengangkutan, laluan yang bermula dari China ini terdiri daripada Laluan Sutera Darat dan Laluan Sutera Maritim. Laluan berkenaan mendapat nama sedemikian kerana fungsi asalnya adalah

untuk membawa sutera yang dihasilkan oleh China ke pelbagai negara dan kawasan pada zaman purba.

Menurut sejarah, Raja Wudi, Dinasti Han melantik seorang utusan untuk melawat ke kawasan barat dengan tujuan untuk menghubungi orang Darouzhi agar bersama-sama menentang orang Hsiung-nu. Zhang Qian yang berhasrat untuk berjasa kepada negara bersetuju untuk

dilantik sebagai utusan. Pada tahun 138 Sebelum Masihi, Zhang Qian yang mengetuai delegasi sejumlah lebih seratus orang bertolak dari Chang'an, ibu kota Dinasti Han Barat menuju ke arah barat. Setelah melalui perjalanan yang berliku selama 11 tahun, akhirnya Zhang Qian sampai di petempatan orang Darouzhi. Namun, pada ketika itu, orang Darouzhi tidak bersedia lagi untuk bertempur dengan orang Hsiung-nu. Selepas kembali ke Chang'an, Zhang Qian menyampaikan





maklumat mengenai lawatannya ke kawasan barat kepada Raja Wudi, serta keinginan negeri-negeri di kawasan barat untuk menjalinkan hubungan dengan Dinasti Han.

Pada tahun 119 Sebelum Masihi, Raja Wudi sekali lagi menghantar Zhang Qian sebagai utusan ke kawasan barat. Kali ini Zhang Qian yang mengetuai delegasi telah membawa lebih sepuluh

ribu ekor lembu dan kambing serta banyak sutera untuk menunjukkan persahabatan dan berurus niaga dengan negeri-negeri di barat Han. Selepas itu, negeri-negeri tersebut juga menghantar utusan untuk melawat ke Chang'an. Dengan itu, hubungan antara Dinasti Han dengan kawasan barat semakin rapat.

Selepas lawatan Zhang Qian ke kawasan barat, semakin

ramai utusan dan saudagar melawat ke barat, begitu juga dengan utusan dan saudagar dari kawasan barat masing-masing melawat ke timur. Mereka membawa produk sutera dan tekstil China, dari kota Luoyang dan Chang'an, melalui Koridor Hexi, Xinjiang ke Asia Barat dan akhirnya sampai di Eropah. Sementara itu, mereka juga membawa barang-barang dari kawasan barat ke China. Laluan darat yang menghubungkan

Timur dan Barat inilah Laluan Sutera yang sangat terkenal dalam sejarah. Selepas zaman Raja Wudi, saudagar China sering belayar ke luar negara untuk menjalankan perniagaan sehingga membentuk laluan pengangkutan maritim yang penting.

Laluan Sutera Maritim juga merupakan laluan yang menghubungkan China dengan kawasan-kawasan lain di dunia. Sutera China bukan

sahaja dibawa ke Asia Tengah, Asia Barat, Afrika dan Eropah melalui laluan darat, tetapi juga dijual ke negara-negara lain di seluruh dunia melalui laluan maritim, khususnya ke Jepun, Asia Tenggara dan Afrika. Oleh sebab itu, laluan tersebut dikenali sebagai Laluan Sutera Maritim.

Bandar Ningbo di provinsi Zhejiang, bandar Quanzhou di provinsi Fujian dan bandar Guangzhou di provinsi Guangdong menjadi pelabuhan

yang penting dalam Laluan Sutera Maritim pada zaman purba. Kini, bandar Quanzhou telah diisytiharkan oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) sebagai tempat bermulanya Laluan Sutera Maritim. Jika anda berpeluang melawat ke bandar Quanzhou, anda boleh mengunjungi Muzium Laluan Sutera Maritim di sana. **KS**

Nikmati Keindahan Wusong di Jilin



Lv Qing, editor Kembara Sutera, suka membaca, mendengar muzik dan menonton TV, khususnya rancangan pelancongan yang membolehkan beliau menghayati budaya tempatan, dan meluaskan pandangan. Bandar-bandar di China yang pernah dilawatinya termasuk Shanghai, Guangzhou, Xi'an, Wuhan, Dalian, Kunming, dan lain-lain.

Wusong atau disebut sebagai Shugua ialah fenomena alam di mana wap air dalam udara membeku pada daun dan ranting pokok kerana suhu jatuh secara

mendadak. Pemandangan wusong dapat disaksikan di kawasan bahagian utara China dan kawasan pergunungan di bahagian selatan negara ini pada



musim sejuk sekiranya tekanan udara berada pada tahap tertentu, suhu udara cukup rendah dan angin bertup tidak kencang.

Kami memilih menyaksikan pemandangan wusong di bandar Jilin, provinsi Jilin dalam percutian selama empat hari kerana pertama, fenomena alam yang berlaku di bandar itu amat mengasyikkan sehingga disenaraikan sebagai salah satu daripada empat keajaiban pemandangan alam yang utama di China. Tiga keajaiban pemandangan yang lain ialah: landskap gunung-ganang dan Sungai Lijiang yang mempesonakan di bandar Guilin; Hutan Batu, iaitu kawasan yang memiliki bentuk bumi kars seluas lebih 1,100 kilometer persegi di provinsi Yunnan; pemandangan yang sungguh menarik di tiga kawasan gaung Sungai Yangtze. Yang kedua adalah kerana saya belum pernah menjejakkan kaki ke provinsi di bahagian timur laut dan tidak pernah merasai kesejukan pada musim yang paling sejuk di kawasan tersebut. Yang ketiga pula adalah kerana musim percutian Tahun Baharu Cina belum tiba, oleh itu jumlah pelancong yang ke sana pasti tidak ramai. Keinginan merasai pengalaman baharu dan mencabar menyebabkan kami menaiki kereta api yang bertolak pada pukul 4:50 petang menuju ke bandar Jilin.

Perjalanan dari Beijing ke Jilin mengambil masa kira-kira 14 jam dengan menaiki kereta api. Setelah tiba di bandar Jilin pada sebelah pagi, kami disambut

dengan salji yang menyelimuti bumi. Pemandangan yang indah itu menyebabkan kami terlupa akan kepenatan perjalanan. Cuaca amat sejuk ketika kami baru tiba. Menurut ramalan cuaca, suhu udara yang paling tinggi pada siang hari mencecah -6°C , manakala suhu yang paling rendah jatuh ke -16°C pada sebelah malam. Kesejukan di bandar ini seumpama berada dalam ruang sejuk beku peti sejuk. Di sini, kami perlu memakai baju dan seluar yang tebalnya lebih dua kali ganda berbanding dengan di Beijing. Selain itu, topi, skarf dan sarung tangan juga tidak boleh ditinggalkan.

Sungguh bertuah sekiranya tidak ada tiupan angin. Baik di dalam bilik mahupun di dalam teksi atau bas, akan kelihatan wap yang membeku menjadi ais pada kaca tingkap yang menunjukkan suhu yang cukup sejuk di luar. Sekiranya bercakap wap juga akan keluar dari mulut. Oleh sebab salji turun sehari sebelum kami tiba, maka ketika bersiar-siar di kawasan sekitar hotel, kami dapat melihat salji dan ais yang masih tebal sehingga jalan atau lorong pejalan kaki di jalan-jalan utama sangat licin.

Selepas sarapan, kami bertolak ke Muzium Bandar Jilin yang terletak berhampiran dengan Dataran Abad untuk mencari lebih banyak maklumat tentang bandar ini. Terletak di tengah provinsi Jilin, bandar Jilin dikelilingi gunung-ganang termasuk banjaran Gunung Changbai dan dilalui Sungai Songhuajiang di tengah bandar. Bandar ini merupakan



bandar kedua terbesar di provinsi Jilin dan merupakan satu-satunya bandar di China yang mempunyai nama yang sama dengan nama provinsi. Bandar ini mula dibina pada tahun 14 Masihi dan pernah dijadikan sebagai ibu kota provinsi Jilin pada penghujung zaman Dinasti Qing (tahun 1616-1911) dan sebelum Republik Rakyat China ditubuhkan pada tahun 1949. Sekarang, bandar ini menjadi pusat politik, ekonomi dan ketenteraan yang penting dan salah satu pangkalan industri petrokimia di kawasan timur laut China, serta antara 32 buah bandar raya yang disenaraikan sebagai bandar sejarah dan budaya yang terkemuka di China oleh Dewan Negara.

Bandar Jilin kaya dengan sumber pelancongan kerana terdapat banyak destinasi pelancongan semula jadi dan landskap budaya, antaranya destinasi peranginan Tasik Songhuahu dan Padang Rusa Gunung Longtan yang telah disenaraikan sebagai destinasi

pelancongan peringkat negara. Bandar Jilin juga merupakan bandar pelancongan ais dan salji kerana kemudahan sukan ais dan salji agak maju berbanding dengan bandar lain. Terdapat 10 gelanggang ski di bandar tersebut. Pesta Pelancongan Ais dan Salji Wusong Jilin dijadikan sebagai pesta pelancongan berskala besar oleh Jabatan Pelancongan Negara.

Berbanding pada sebelah pagi, jumlah pengunjung di kompleks beli-belah dan di restoran lebih banyak pada sebelah tengah hari dan petang. Selain itu, terdapat gerai-gerai yang menjual makanan dan buah-buahan di tepi jalan. Suasana di kawasan pembiagaan bandar ini sangat riuh-rendah.

Kelihatan juga orang muda yang tidak memakai pakaian tebal berikutan suhu udara yang naik sedikit. Fenomena alam yang mengagumkan kami ialah hari cepat menjadi gelap di sini, matahari mulai terbenam kira-kira pada pukul 3.40 petang dan

lampu jalan sudah dinyalakan sebelum pukul 5 petang. Di bandar ini, makan malam pun disediakan lebih awal.

Terdapat Stesen Janakuasa Hidro Fengman dibina di kawasan hulu Sungai Songhua yang berjarak kira-kira 15 kilometer dari pusat bandar Jilin. Pada musim sejuk setiap tahun, khususnya dari bulan Disember hingga Februari berikutnya, cuaca amat sejuk pada waktu pagi dengan suhu udara biasanya mencatat kira-kira -20°C hingga -25°C , namun suhu air sungai yang mengalir melalui generator Stesen Janakuasa Hidro pula lebih tinggi sehingga mencatat 4°C . Kepanasan air ini menyebabkan air Sungai Songhua yang mengalir perlakan tidak membeku di bandar Jilin. Perbezaan antara suhu udara dengan suhu air sungai yang begitu besar ini mengakibatkan kabus tebal seumpama wap panas yang keluar daripada air mendidih. Kabus tebal tersebut tidak lenyap daripada permukaan air sungai jika tidak ditiup angin kencang pada tekanan udara tertentu, bahkan menyelubungi kawasan kedua-dua tebing sepanjang aliran sungai dari Stesen Janakuasa Hidro sehingga ke pusat bandar.

Kabus yang menghalang pandangan tersebut memeluap lalu menjadi titik-titik air yang halus sebelum membeku menjadi ais berbentuk kristal yang melekat pada daun, ranting dan dahan pokok. Keadaan inilah yang kemudiannya mewujudkan pemandangan wusong. Oleh itu, masa terbaik untuk menikmati

keindahan pemandangan wusong adalah ketika suhu udara masih belum tinggi setelah mendapat sinaran matahari.

Seawal pukul 7 pagi keesokan harinya, kami sudah bangun dan pergi ke tebing Sungai Songhua untuk menyaksikan matahari terbit sambil menikmati keindahan pemandangan wusong. Udara yang bersuhu rendah melitupi dunia di luar. Walaupun sudah memakai sarung tangan dan kasut yang tebal, namun tangan dan kaki kami seolah-olah tidak boleh bergerak kerana kesejukan ketika menunggu matahari terbit. Pada mulanya, kabus tebal kelihatan menutupi suasana sekitar dalam remang-remang subuh, seiring dengan masa berlalu, langit di bahagian timur menjadi warna merah, kemudian warnanya bertukar menjadi jingga dan akhirnya kekuningan. Langit mulai terang

dan kabus tebal beransur-ansur hilang. Tidak lama kemudian, matahari mula terbit di sebalik bangunan tinggi. Cahayanya semakin terang dan menyilaukan mata. Cahaya matahari yang terpancar di permukaan air sungai menyebabkan warna sungai menjadi merah dan keemasan. Pemandangan ini amat menakjubkan. Pokok-pokok yang berpakaian warna perak putih di sepanjang tebing sungai juga diterangi oleh cahaya matahari. Ais yang berwarna putih dan berkilip-kilip ketika disinari sinaran matahari menyebabkan pokok-pokok tersebut seolah-olah dibuat daripada batu jed. Ranting-ranting pokok cemara yang dihias ais menjadi kuntuman bunga dengan pelbagai gaya, manakala ranting pokok willow pula menyerupai reben sutera panjang yang berwarna putih. Seperti yang diucapkan oleh pujangga bahawa keindahan pemandangan



wusong di Jilin seumpama “pemandangan musim bunga pada musim sejuk”. Kira-kira pada pukul 10 pagi, ais yang beku itu mulai gugur daripada ranting dan daun kerana suhu udara naik dan terbang ditiup angin sehingga membentuk kabus salji, lalu akhirnya lenyap di bawah matahari.

Kami menaiki kereta api untuk pulang ke Beijing pada hari berikutnya dengan meninggalkan kenangan indah di bandar Jilin. Menyaksikan keindahan pemandangan wusong yang mempesona adalah pengalaman yang sukar dilupakan. **KS**



13 Tip Sempurnakan Percutian Anda



Sekiranya anda mahu menikmati pemandangan atau kebudayaan yang menarik sewaktu melancong, tetapi persediaan anda kurang lengkap sudah pasti akan mengganggu percutian anda. Keadaan seperti inilah yang paling tidak diingini. Untuk mengatasi keadaan ini, sebuah laman sesawang Amerika Syarikat telah menyenaraikan 13 tip dan ini diharap dapat membantu menyempurnakan percutian anda.

1. Bawa beg plastik yang kecil untuk mengelakkan telefon bimbit dan pasport daripada terkena air. Beg plastik tersebut juga boleh digunakan untuk menyimpan duit.
2. Isikan syampu dan gel badan dalam botol plastik kecil. Cara ini lebih baik daripada menggunakan syampu dan gel badan yang disediakan oleh hotel.
3. Bawa sepasang kasut yang mudah untuk ditanggalkan dan pakai seluar yang tidak perlu menggunakan tali pinggang bagi memudahkan urusan pemeriksaan keselamatan di lapangan terbang.
4. Bawa semua barang penting bersama-sama dengan anda seperti jadual pelancongan, pengesahan penempahan hotel dan ubat-ubatan. Hal ini bagi mengelakkan barang-barang penting tersebut hilang semasa daftar masuk bagasi.
5. Jika anda mahu membeli banyak cenderamata ketika melancong, jangan lupa membawa beg beli-belah yang kecil dan mudah dilipat. Beg ini boleh disimpan di dalam bagasi dan boleh digunakan untuk mengisi cenderamata yang akan dibeli.
6. Ketika melancong ke luar negara, anda digalakkan membawa penyesuai kuasa universal.
7. Jika banyak berjalan ketika melancong, pastikan anda membawa pembalut luka.
8. Skarf amat berguna dibawa ketika melancong. Skarf bukan sahaja boleh dipadankan dengan pakaian yang sesuai, malah boleh juga digunakan sebagai selimut ketika dalam kapal terbang.
9. Bawa tisu atau sapu tangan yang boleh digunakan sekiranya dijangkiti demam selesema.
10. Bawa beberapa jenis ubat yang biasa digunakan seperti ubat cirit-birit, mabuk kenderaan, dan lain-lain.
11. Bawa lampu suluh kecil untuk digunakan ketika kembara atau berkhemah pada waktu malam.
12. Bawa pengetip kerana ia bukan sahaja boleh digunakan untuk mengetip kuku, malah boleh juga digunakan sebagai pembuka balut makanan.
13. Bawa wisel. Jika mahu menyertai ekspedisi atau penjelajahan secara berseorangan, anda boleh meniup wisel untuk meminta pertolongan sekiranya menghadapi ancaman. **KS**



Etnik yang Beragama Islam di China

Etnik Tajik

Penduduk di Dataran Tinggi Pamirs

Etnik Tajik berjumlah lebih 30 ribu orang. Etnik tersebut tinggal secara berkelompok di bahagian barat daya Wilayah Autonomi Uygur Xinjiang China, iaitu bahagian timur dataran tinggi Pamirs. Kawasan petempatan etnik Tajik berhampiran dengan puncak gunung kedua tertinggi di dunia, iaitu Godwin Austen, di mana puncak gunungnya diliputi salji, manakala di kaki gunungnya pula terdapat padang rumput dan ladang. Penduduk etnik Tajik telah menetap di kawasan itu sejak turun-temurun.

Penduduk etnik Tajik menetap di Dataran Tinggi Pamirs sejak zaman Sebelum Masihi. Laluan sutera yang dibuka pada abad ke-2 Sebelum Masihi telah melalui kawasan tersebut. Sejak beberapa ribu tahun kebelakangan ini, penduduk etnik Tajik sudah terdedah dengan tamadun timur dan barat sehingga membentuk tamadun sendiri yang sangat makmur.

Etnik Tajik mempunyai bahasa sendiri dan menggunakan tulisan Uygur. Mereka beragama Islam dan ramai yang bekerja dalam bidang pertanian dan penternakan.

Orang etnik Tajik sangat berani dan murah hati. Menurut legenda etnik Tajik, helang melambangkan pahlawan. Penggembala etnik Tajik suka bermain flut yang diperbuat daripada tulang helang. Tarian yang paling popular dalam kalangan etnik ini juga menggambarkan ketangkasan helang.

Etnik Tajik juga pandai menunggang kuda. Aktiviti riadah seperti nmenunggang kuda sangat

popular dalam kalangan penduduk etnik itu.

Pemandangan alam di kampung halaman penduduk etnik Tajik di Dataran Tinggi Pamirs adalah seperti lukisan yang sangat indah. Penduduk etnik Tajik di kawasan itu juga dikenali sebagai orang yang tinggal di atas awan.

Lelaki etnik Tajik biasanya memakai kemeja berwarna putih dan jubah berwarna biru. Mereka membawa pisau yang diikat di sebelah kanan pinggang serta memakai kasut dan topi daripada kulit kambing. Mereka gemar bersiar-siar sambil menunggang kuda di kawasan pemandangan alam yang sangat indah. Lelaki etnik Tajik juga dikatakan sangat kacak.

Perempuan etnik Tajik pula suka memakai baju yang berwarna-warni, kasut mereka berwarna merah dan topi mereka dihiasi banyak hiasan. Semasa keluar bersiar-siar, mereka suka memakai tudung besar berwarna merah, kuning atau putih. Mereka diibaratkan seperti pari-pari yang turun dari kayangan.

Etnik Tajik beragama Islam dan meraikan banyak pesta. Misalnya, pada hari pertama dan hari kedua setiap bulan Ogos tahun Hijrah, semua keluarga etnik Tajik akan menyalaikan lilin. Pesta tersebut dikenali sebagai pesta cahaya.

Penduduk etnik Tajik juga sangat mesra melayan tetamu. Mereka biasanya akan menyembelih seekor kambing untuk menjamu tetamu. Sebelum tetamu memakan daging kambing, tuan rumah akan menghidangkan semangkuk sup daging kambing kepada tetamu. **Ks**



Masjid Barat Zhaoqing

Masjid Barat Zhaoqing di provinsi Guangdong dibina pada tahun 1767. Tokoh Islam yang terkenal di kawasan Zhaoqing, iaitu Liu Shifang bersama-sama dengan 15 orang umat Islam yang lain telah membeli tanah untuk dijadikan tapak masjid tersebut. Beliau kemudiannya dilantik sebagai imam yang pertama di masjid tersebut. Pada tahun 1831, Masjid Barat Zhaoqing dibaik pulih dan diperluas.

Pada tahun 1980, Masjid Barat Zhaoqing yang sudah berusia lebih 200 tahun semakin usang dan tidak dapat memenuhi keperluan umat Islam tempatan untuk beribadat. Imam masjid tersebut yang juga merangkap Pengerusi Persatuan Islam Bandar Zhaoqing, Yang Kaizhi, mempunyai hubungan yang rapat dengan umat Islam di Hong Kong. Beliau telah mendapatkan bantuan daripada umat Islam di Hong Kong untuk membaik pulih Masjid Barat Zhaoqing. Projek membaik pulih masjid itu bermula pada bulan Mac 1983 dan berakhir pada bulan September tahun berikutnya.

Bangunan baharu Masjid Barat Zhaoqing direka bentuk oleh Bao Junwen, jurubina etnik Hui yang terkenal. Beliau menggabungkan seni bina Arab dengan seni bina tradisional Cina dalam reka

bentuk bangunan baharu masjid tersebut. Ruang sembahyang yang luasnya 360 meter persegi mempunyai sentuhan seni bina Arab.

Imam Yang Kaizhi seterusnya dilantik sebagai Pengarah Agensi Cinta Agama Islam China, Hong Kong. Dengan usaha beliau, umat Islam Hong Kong telah menyumbangkan derma bagi projek pembinaan menara azan, bangunan perkhidmatan dan bilik mesyuarat untuk Masjid Barat Zhaoqing. Masjid Barat Zhaoqing yang semakin moden telah memudahkan umat Islam tempatan untuk beribadat. Keluasan bangunan masjid baharu tersebut mencecah 1,406 meter persegi.

Umat Islam tempatan telah mendermakan beberapa buah rumah mereka kepada masjid. Pihak pengurusan masjid telah menyewakan rumah-rumah tersebut kepada orang ramai dan memperoleh wang sewa yang digunakan untuk membiayai perbelanjaan masjid. Persatuan Islam Bandar Zhaoqing yang berpejabat di masjid itu selalu bekerjasama dengan Persatuan Islam Hong Kong dan Persatuan Muslimah Hong Kong untuk menangani hal-hal agama. Pada ketika ini, seramai 415 orang etnik Hui tinggal di sekitar kawasan Masjid Barat Zhaoqing. **Ks**



wǒ xiǎng qù zhào qìng chéng xī qīng zhēn sì, xiè xiè. di zhǐ: zhào qìng chéng xī duān zhōu qū kāng lè zhōng lù.

我想去肇庆城西清真寺, 谢谢。地址: 肇庆城西端洲区康乐中路。
Saya nak pergi ke Masjid Barat Zhaoqing, terima kasih.

Alamat: Jalan Kangle Tengah, Daerah Duanzhou, Zhaoqing.



Isi Ikan Goreng Bersos

Helo! Selamat datang ke ruangan Dapur Lazat Anisah! Bersempena dengan kedatangan musim bunga, orang China suka akan hidangan kurang masin, misalnya makan lebih sayur atau ikan. Yang lebih saya gemar ialah ikan. Orang China memanggil isi ikan sebagai daging putih yang amat berfaedah untuk kesihatan. Makan ikan boleh menghalang kemurungan dan mencegah penyakit lelah.

Risiko menghidap penyakit demensia lebih rendah kalau sering memakan ikan. Selain itu, makan ikan juga boleh mencegah strok. Daging yang begitu banyak faedahnya tentulah membuatkan kita hendak memasak beberapa hidangan yang sedap daripada daging tersebut.

Rentak hidup kita semakin cepat. Ketika kita pulang ke rumah, mungkin kita sudah berasa letih atau mungkin kita tidak mahu mengambil masa yang panjang untuk memasak. Baiklah, ini bukan masalah. Anisah akan mengajarkan satu hidangan yang

berwajah cantik, berbau wangi dan cara memasak yang sangat mudah. Hidangan ini dipanggil "Isi Ikan Goreng Bersos".

Bahan: 150g isi ikan / 1 biji putih telur / 50g tepung kanji / 2g serbuk perasa / 100g susu / 25g bawang hijau, halia dan bawang putih yang dicincang halus / 50g minyak masak / garam dan sup ayam

Cara memasak:

1. Isi ikan dipotong dadu atau hiris tipis, kemudian dicelup dalam air yang dicampur dengan tepung kanji, putih telur dan garam.
2. Campurkan garam, susu, serbuk perasa, bawang hijau, halia, bawang putih dan sup ayam untuk dijadikan sos.
3. Goreng dadu isi ikan dengan minyak yang panas sehingga masak. Angkat dan tuskan minyak.
4. Masukkan sos yang telah disediakan tadi dan goreng seketika sehingga semuanya bersalut sos. Kemudian, angkat dan hidangkan.



吉祥金
PROSPEROUS GOLD

百年中行 百年辉煌

中行金条 马到成功

中银吉祥金系列贵金属产品
Bank of China Propitious Gold Series
Precious Metal Products

* 产品规格以实际柜台销售为准，图片仅供参考。
* Product specifications are for references only and may vary depending on the final stock available at the sales counters. Images are for illustration purpose only.

For more information, you may log on to www.bankofchina.com/my/, visit any of our branches nationwide or call 603-2171 7288 Ext 237

Waktu Solat di China



Selain waktu solat dan panduan arah kiblat, anda juga boleh mendapat info-info berguna yang membantu menyempurnakan pelancongan anda di China, seperti :



restoran Islam



masjid



pusat beli-belah



tempat pelancongan

App ini secara automatik mengesan lokasi anda di China, Malaysia dan Indonesia, dan akan memaparkan waktu solat tempatan serta arah kiblat. Ia juga sebagai panduan khusus untuk warga muslim sewaktu berada di China.

App Waktu solat di China ini khusus untuk pengguna Android. Anda boleh muat turun aplikasi ini di google play store.

Laman sesawang: <http://malay.cri.cn>

E-mel: mal@cri.com.cn

Facebook: www.facebook.com/kembarasutera